

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	16/1/2013

## PM terima anugerah Ijazah Kehormat

UM-16/1/2013

SHAH ALAM 15 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menerima anugerah Ijazah Doktor Kehormat Persuratan dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat (AS) sebagai pengiktirafan terhadap kepimpinan dan sumbangan beliau dalam pembangunan negara dan komuniti di peringkat antarabangsa.

Anugerah itu disampaikan oleh Naib Presiden Universiti Ohio, Bryan Banchoff sambil disaksikan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanah universiti itu, David Brightbill sempena majlis Syarahan Perdana Tun Abdul Razak kali ke-9 yang diadakan di Pusat Konsvensyen Shah Alam di sini.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Seri Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar dan bekas Setiausaha Agung ASEAN, Dr. Surin Pitsuwan yang merupakan tetamu kehormat dalam siri syarahan tersebut.

Penganugerahan ijazah kehormat itu diberikan kepada Perdana Menteri berdasarkan rekod cemerlang beliau yang berjaya menyelesaikan isu-isu kritikal masyarakat dalam bidang pendidikan, demokrasi, hubungan antarabangsa selain mewujudkan peluang untuk sektor masyarakat yang kurang bermaslah.

Malah Perdana Menteri juga dikenali dan diiktiraf dengan usahanya gigihnya di seluruh dunia mentransformasikan Malaysia



**NAJIB Tun Razak bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor bergambar bersama Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Paul W. Jones (dua dari kanan) dan Dr. Surin Pitsuwan (kanan) selepas dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Persuratan dari Universiti Ohio di Shah Alam, semalam. - UTUSAN/MOHD SHAHARANI SAIBI**

sebagai sebuah negara yang berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Sementara itu, Perdana Menteri ketika berucap menyatakan, Universiti Ohio telah memainkan peranan besar terhadap pembangunan pendidikan di negara ini sejak 32 tahun lalu melalui kerjasama dengan UiTM dalam merangka dan membangunkan bidang pengajian seperti perniagaan, pera-

kaunan serta komunikasi.

"Hari ini, UiTM merupakan universiti awam terbesar di negara ini dengan keupayaan 20 buah kampus dan bilangan pelajar seramai 170,000 orang. Malah, lebih daripada 2,400 rakyat Malaysia ketika ini adalah pemegang ijazah daripada Universiti Ohio dan jumlah itu mewakili kumpulan terbesar alumni universiti itu yang berada di luar dari

Ohio.

"Selain itu, ramai bilangan graduan berkenaan telah memberikan sumbangan signifikan kepada tenaga kerja negara. Jurutera yang dilatih di universiti itu membina jambatan dan bangunan yang amat diperlukan kepada pemodenan Malaysia, begitu juga dengan graduan akauntan, perniagaan yang telah membantu mencipta kekuatan dan daya

saing sektor swasta," katanya.

Tambah Najib, kerjasama itu bagaimanapun bukanlah bersifat sehalu semata-mata kerana sejak 1987, Universiti Ohio merupakan gedung utama yang menempatkan koleksi penerbitan buku serta jurnal dari Malaysia terbesar di Amerika Utara melalui pewujudan Pusat Sumber Malaysia di Perpustakaan Vernon R. Alden di universiti itu.